

Hari pertama dialog LID berjaya — PM

UM- 31/7/2004: 2 Perdana

LANGKAWI 30 Julai — Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang julung-julung kali mengendalikan sesi perkongsian pintar Dialog Antarabangsa Langkawi (LID) 2004 meyifatkan perjalanan hari pertama dialog itu hari ini sebagai amat berjaya.

Menurut Perdana Menteri, para peserta termasuk pemimpin-pemimpin kerajaan yang menghadiri dialog tersebut hari ini telah menunjukkan minat yang tinggi dalam menyertai perbincangan-perbincangan yang diadakan.

"Mereka memberikan komen-komen dan soalan kepada pengendali dialog, sudah tentu isu yang banyak diperkatakan ialah soal kemiskinan," katanya kepada pemberita bagi memaklumkan perjalanan dan hasil hari pertama dialog perkongsian pintar LID 2004 hari ini.

Pada sebelah pagi Abdullah bersama Presiden Namibia, Dr. Sam Nujoma menjadi pengendali dialog sesi pertama 'Kemiskinan, Pembangunan dan Keselamatan'.

Ia memberi tumpuan ke-



Laporan

GAMAL NASIR MOHD. ALI, LOKMAN OTHMAN dan HATA WAHARI

pada empat bidang iaitu Perspektif Ahli Politik, Perpektif Ahli Komunikasi, Perspektif Perniagaan dan Pekerja dan Perspektif isu-isu Sosial.

Dalam sesi tersebut Abdullah mengingatkan negara peserta bahawa membasmi kemiskinan bukan sesuatu yang mudah dan ia mengambil masa yang lama.

"Mengambil kira pengalaman Malaysia, ia mengambil masa kira-kira 30 tahun untuk membasminya," katanya.

Katanya, ia memerlukan kestabilan politik dan memerlukan polisi yang holistik termasuk dasar

pendidikan, kesihatan yang baik selain usaha pertanian yang dinamik.

Bagi Malaysia, katanya ia mempunyai dasar pembangunan luar bandar yang berkesan meliputi kesihatan dan pendidikan sehingga mampu membanteras kemiskinan di kawasan tersebut.

Justeru, tambahnya Malaysia bersedia berkongsi pengalamannya itu dengan negara-negara lain.

Mengenai sesi baru pertemuan di antara ketua-ketua pegawai eksekutif (CEO) dengan ketua-ketua kerajaan pada LID kali ini, Abdullah berkata, sesi itu membolehkan kedua-dua

pihak mengetahui kehendak dan permasalahan masing-masing sehingga satu perkongsian pintar dapat diwujudkan.

"Sektor swasta dan kerajaan saling memerlukan di antara satu sama lain. Malaysia sendiri mampu membangun kerana sambutan yang baik daripada sektor swasta sendiri.

"Bagi pihak kerajaan pula, apabila berlaku sesuatu seperti krisis kewangan tidak lama dulu, telah berusaha mewujudkan dasar-dasar baru untuk mengatasinya sehingga ekonomi dapat pulih semula," ujarnya.

Ditanya sama ada LID kali ini akan mengeluarkan satu deklarasi mengenai kemiskinan beliau berkata, perkara itu tidak perlu diadakan.

Katanya telah banyak deklarasi yang telah diadakan sebelum ini termasuk pada Dialog Antarabangsa Negara-Negara Afrika Selatan (SAID) yang diadakan di Swaziland dua tahun lepas.

Katanya, apa yang penting di Langkawi ini ialah kalangan peserta belajar daripada pengalaman untuk mengatasi permasalahan yang wujud.



ABDULLAH Ahmad Badawi bersalaman dengan Dr. Sam Nujoma selepas mengadakan perbincangan dua hala di Langkawi semalam sempena Dialog Antarabangsa Langkawi (LID) 2004. — Gambar Bernama

"Sehinggalah pada akhirnya kalangan peserta dapat mewujudkan satu

keadaan menang-menang seperti yang diterima Malaysia hari ini apabila Afri-

ka Selatan telah menunjukkan minat agar Malaysia membantunya memba-

ngungkan projek perumahan di negara tersebut," katanya.